

KPDNHEP SPT gagalkan usaha seleweng 21,840 liter diesel

SYALMIZI HAMID

04 Oktober 2019 5:39 PM



Ahmad Ahrazzuddin (dua dari kanan) ketika memeriksa sebuah lori tangki di Bukit Mertajam hari ini.

SEBERANG PERAI - Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) daerah Seberang Perai Tengah (SPT) menggagalkan kegiatan penyelewengan diesel selepas menyerbu sebuah premis di Juru, Bukit Mertajam di sini hari ini.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP SPT, Ahmad Ahrazzuddin Ahmad Hamdan berkata, menerusi serbuan kira-kira pukul 5 pagi itu, pihaknya telah menyita sebuah lori tangki, sebuah tangki fiber dan dua unit pam selain 21,840 liter (l) diesel yang keseluruhannya bernilai RM112,611.20.

Beliau berkata, serbuan yang disertai lima penguat kuasa itu dilakukan hasil daripada risikan pihaknya selama dua minggu.

"Dalam pemeriksaan tersebut, kita mendapati sebuah lori tangki sedang mengeluarkan diesel daripada tangkinya dan diisi ke dalam sebuah tangki lain di premis itu.

"Berdasarkan dokumen yang diperolehi di lokasi, lori berkenaan sepatutnya menghantar diesel ke tempat lain, tetapi ia tidak sampai ke destinasi yang sepatutnya," katanya kepada pemberita hari ini.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 yang jika disabit kesalahan boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali, manakala syarikat boleh didenda tidak lebih RM2 juta. - K! ONLINE